


Kota Lama Berusia 2500 tahun!

Perjalanan kami kemudian diteruskan ke Kota Lama Budva, sebuah bandar di negara Montenegro yang berusia lebih 2,500 tahun. Bandar ini terletak di Laut Adriatik yang merupakan pemisah Semenanjung Itali dengan Semenanjung Balkan. Ia terletak sejauh 74 km dari bandar Podgorica dan 530 km dari bandar Belgrade.



Manakala jarak dari stesen bas Budva ke Kota Lama Budva hanyalah kira-kira 1.5 km sahaja. Pun begitu, kami perlu menaiki teksi yang tambangnya berharga 5€ kerana kami perlu membawa beg kami bersama-sama. Kalau diikutkan, kos tambang sebegini agak mahal berbanding tambang bas ke Kotor yang jaraknya 23 km dari Budva dengan tambangnya yang cuma berharga 4€ seorang sahaja!

Binaan Abad Pertengahan

Kota Lama Budva merupakan sebuah kota yang telah dibina pada abad pertengahan. Namun, apa yang menarik,

struktur binaannya masih lagi kukuh dan terpelihara sehingga kini. Binaan kedua-dua sisi kubunya menghadap ke laut yang biru. Keseluruhan binaan dindingnya pula dibuat daripada bongkah-bongkah batu yang besar. Laluan pejalan kaki di antara bangunan-bangunan yang ada di sini pula sempit selain daripada terdapat satu

kawasan dataran kecil, kompleks gereja dan kebun persendirian.

Begitu juga dengan jalan yang ada di kota lama ini juga kecil molek sahaja. Bayangkan lebarnya hanya boleh memuatkan dua orang pejalan kaki sahaja yang seandainya berselisih pada satu-satu masa. Maka, tidak hairanlah kami perlu berbaris panjang dari pintu masuk kota sebelum dapat masuk ke dalamnya.



Ketika kami sampai di sini, kota lama ini dipenuhi dengan pengunjung yang datang dari pelbagai negara. Berdasarkan pemerhatian saya, majoriti pelancong datang untuk menikmati kehangatan cahaya matahari di Pantai Mogren. Sama juga di negara kita. Pantai yang indah menjadi daya tarikan pelancong. Syukur kerana kita memiliki banyak pantai yang cantik dan indah, tidak perlu ke luar negara.

Sukarnya Menukar Wang!

Pengalaman di sini banyak mengajar kami untuk menambahkan lagi kemahiran berkomunikasi dengan penduduk tempatan. Isunya apabila hendak ke tandas, kami tidak memiliki wang tunai kecil. Puas kami cuba menukar wang kertas 10€ di kaunter tiket, kaunter

WAN RITINI BINTI WAN ISMAIL

- Berkhidmat sebagai Eksekutif Business Intelligence & Pengurusan Data, Divisyen Strategi Korporat, Lembaga Zakat Selangor. Merupakan Exco Grup Penjejak Tamadun Dunia (GPTD). Menyertai misi khidmat sosial & kebajikan di Aceh (2008).
- Misi pendidikan di Aceh (2012).
- Misi pendidikan di Selatan Thai (2013).
- Wisata Madani Turki (2015) dan Wisata Madani Balkan (2019).






▲ Gerbang
The Iron Gate.


bank mini dan juga kedai runcit. Sangat menghampakan. Kami langsung tidak dilayan oleh penjaga kaunter tersebut!

Setelah buntu kerana tidak dapat menukar wang, kami berjalan perlahan-lahan keluar dari kedai runcit itu dengan hampa ke tempat duduk. Tiba-tiba, seorang wanita berusia lingkungan 60 tahun memegang tangan saya dan bertanyakan masalah kami. Lalu saya bercerita dengan menggunakan bahasa isyarat. Harap-harapnya akan memahami apa yang cuba saya sampaikan.

Mujurlah dia dapat memahami apa yang saya cuba katakan. Dia mencadangkan kami untuk menukar wang di kaunter tiket. Namun, saya katakan kepadanya bahawa kami telah mencubanya sebentar tadi. Sebaliknya, dia menyuruh kami mencuba sekali lagi.



▲ Pemandangan
Kota Lama Budva.



▶ Laluan
ke pantai.

“
Anggota polis berada hampir di setiap tempat dan sebarang kesalahan yang dilakukan akan dikenakan denda.
”

Dek kerana tidak mahu menghampakannya, kami layankan sahaja. Ya, seperti yang sudah dijangka, kami cuba dan tidak berjaya lagi. Petugas di kaunter berkenaan pula bersikap acuh tidak acuh sahaja dengan permintaan kami. Melihat keadaan ini, wanita tersebut lantas mengambil duit kami dan terus berjalan menuju ke kaunter tersebut.

Syukurlah, akhirnya berjaya juga wang kertas itu dipecahkan!

Tiada Apa yang Dikejar

Saya berfikir sendirian, mungkin petugas kaunter itu tidak berminat untuk berurusan dengan warga asing seperti kami atau boleh jadi juga cara kami yang mahu meminta menukarkan wang itu tidak senang di matanya. Wanita yang memperkenalkan dirinya sebagai Tonka itu kami lihat turut malu-malu juga sewaktu dia mahu membantu kami menukarkan wang di kaunter.


Apa-apa pun, tidak mengapalah. Yang penting kami dapat apa yang kami

inginkan. Bantuan Tonka kepada kami pada waktu itu sangat kami hargai, cukup membantu! Begitu juga pengajaran untuk kami supaya selepas ini menyediakan wang kecil awal-awal agar tidak menghadapi situasi seperti ini lagi.

Selain itu, saya perhatikan juga masyarakat di sini kelihatan gemar bersantai dan seolah-olah benar-benar menikmati setiap detik masa yang ada. Mereka tidak nampak kalut seperti sedang mengejar sesuatu, bahkan orang melepak ada di mana-mana sahaja!

Jadi, tidak hairanlah mereka dilabel sebagai masyarakat yang tidak menepati waktu. Ya, itulah faktanya. Tambahan pula perkara ini telah menjadi adat di sini. Jadi, kami pun perlulah masuk ke kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak.

Tidak begitu?



▶ Laluan sempit di celah-celah bangunan.

Kami turut melihat anggota polis berada di mana-mana. Mereka kelihatan benar-benar bertugas bagi menjaga ketenteraman awam di sini memandangkan kawasan ini merupakan kawasan pelancongan. Tambahan pula, sebarang kesalahan yang dilakukan akan dikenakan denda. Perbuatan seperti membuang sampah merata-rata, membuat bising di tempat umum atau berjalan dalam keadaan mabuk di jalanan itu antara perbuatan yang akan dikenakan denda yang tinggi! 💰

	Biasa: 3 minit 00 saat
	Pantas: 0 minit 12 saat